

AMALAN PENGAJARAN TARANUM DALAM KELAS KHAS KEMAHIRAN MEMBACA & MENGHAFAZ AL-QURAN (KKQ)

Nurfadilah Mohamad¹, Khadijah Abdul Razak² & Harun Baharudin³

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

fadilah_phdukml4@yahoo.com¹, khadijah.razak@ukm.edu.my² &

harunbaharudin@ukm.edu.my³

ABSTRACT

Quran Reading and Memorization Skills Class (KKQ) is an initiative which has been taken by Ministry of Education (MOE) as a preparation to improve the quality of studying and recitation of the Quran among students. This quasi experimental study is conducted to identify ‘taranum’ teaching practices on Quran Reading and Memorization Skills Class (KKQ) before and after intervention. A total of 130 Form 1 students from six schools in Seremban were involved in this study. Students are divided into the control and treatment groups. Researcher used teaching aids of “formasi taranum” as an intervention in the treatment group. A questionnaire which consists of 5 sub constructs on ‘pre-teaching’, ‘while-teaching’, ‘post-teaching’, as well as teaching aids and types of teaching aids were distributed before and after the intervention. The data was analyzed with descriptive and inferential statistics using SPSS version 25.0. The result from the study found that was no significant difference of teaching practices in the control group before and after the intervention. Whereas, there are significant differences in the teaching practices in the treatment group on all sub constructs except for ‘while-teaching’ before and after the intervention. This proves that there is an effect of teaching practices on the treatment group after the intervention. The implications of the study show that there is a need to change teaching practices especially in the usage of teaching aids in teaching and learning the ‘taranum’ Quran. School needs to provide enough resources and facilities to ensure that the teaching and learning of ‘taranum’ is implemented effectively.

Keywords: KKQ, teaching practices, formasi taranum

ABSTRAK

Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) merupakan satu inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai satu persediaan untuk meningkatkan mutu pengajian dan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar. Kajian kuasi eksperimen ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan pengajaran *taranum* guru di Kelas Khas Kemahiran Membaca & Menghafaz al-Quran (KKQ) sebelum dan selepas intervensi. Seramai 130 orang murid Tingkatan Satu di enam buah di daerah Seremban telah terlibat dalam kajian ini. Pelajar dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan rawatan. Pengkaji menggunakan bahan bantu mengajar “Formasi *Taranum*” sebagai intervensi dalam kumpulan rawatan. Soalan selidik yang terdiri kepada 5 sub konstruk iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, kekerapan ABM dan jenis BBM diedarkan sebelum dan selepas intervensi. Data kajian dianalisis dengan statistik deskriptif dan inferensi dengan program SPSS versi 25.0. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru pada kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi. Kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru bagi kumpulan rawatan pada semua sub konstruk kecuali perkembangan pengajaran sebelum dan selepas intervensi. Ini menunjukkan terdapatnya kesan amalan pengajaran guru bagi kumpulan rawatan selepas intervensi. Implikasi kajian menunjukkan perubahan perlu dilakukan dalam amalan pengajaran guru terutama penggunaan BBM dalam pengajaran dan

pembelajaran taranum al-Quran. Sekolah perlu menyediakan sumber dan kemudahan yang mencukupi bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran *taranum* dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kata Kunci: KKQ, amalan pengajaran *taranum*, formasi *taranum*

PENDAHULUAN

Seni *taranum* datang seiring dengan sejarah awal dakwah Islam bermula, ketika ayat pertama diturunkan di Gua Hira' pada tahun 610 Masihi (Che Yahaya, 2007). Manakala Nik Jaafar (2007) menyatakan bahawa taranum adalah kesinambungan dari warisan Nabi Daud a.s. dengan alunan suaranya yang sangat merdu ketika membaca kitab Zabur. Oleh itu, ia amat penting untuk dimuridi bagi menambahkan lagi keseronokan dan keasyikan semasa membaca al-Quran. Melagukan bacaan kitab suci al-Quran merupakan suatu usaha kepada pembaca dan pendengar untuk menghayati keindahan kalimah Allah sehingga dapat memahami maksudnya dan beramal dengannya. Alunan bunyi dan lafaz-lafaz huruf yang dialunkan oleh pembaca boleh menggambarkan maksud yang sesuai dengan intonasi dan kehendak ayat itu sendiri (JAPIM 2008a).

Menurut Nik Jaafar (2007) lagi, taranum adalah sebahagian daripada kurikulum bacaan al-Quran yang terdiri daripada gabungan tiga komponen iaitu tajwid, *tahsin al-swt* dan taranum yang dinamakan sebagai kurikulum bersepadu dalam pembacaan al-Quran. Bertepatan dengan Firman Allah Taala yang berpesan kepada Nabi Muhammad S.A.W dan juga kaum Muslimin seluruhnya supaya membaca al-Quran dengan *tartil* (baik, elok, berhati-hati, fasih dan penuh khusyuk) sebagaimana yang terkandung dalam surah al-Muzammil ayat 4.

Jelas di sini bahawa *taranum* al-Quran merupakan satu bidang kemahiran membaca al-Quran yang amat dituntut oleh Islam. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Jaafar (2007), mempelajari *taranum* merangkumi segala kemahiran yang diperlukan untuk memperelokkan bacaan al-Quran. Menurut beliau lagi, *taranum* al-Quran memantapkan sebutan al-Quran dari sudut makhraj huruf dan bahagian-bahagian tajwid yang lain. Apatah lagi *taranum* al-Quran yang berlahjah Arab, ianya akan memantapkan penyebutan kalimah-kalimah al-Quran dengan gaya Arab sehinggakan *qari* atau *qariah* yang mahir mampu melagukan al-Quran dengan alunan yang menepati maksud ayat-ayat al-Quran yang dibaca.

PERNYATAAN MASALAH

Pelbagai usaha telah dibuat bagi memantapkan perkembangan al-Quran dalam bidang *taranum* di peringkat sekolah melalui program formal atau tidak formal dengan penubuhan Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA). Salah satu daripada keunikan SMKA, SABK dan KAA ialah kewujudan kokurikulum KKQ ini di sekolah-sekolah tersebut. Ini berdasarkan kepada pekeliling KP (BPPP) Sultit/03/9/JPP/M (87) di mana hanya sekolah-sekolah tertentu sahaja yang melaksanakan kokurikulum ini bagi memastikan murid-murid tertentu menguasai kemahiran bacaan al-Quran di pelbagai peringkat sehingga ke peringkat kebangsaan.

JAPIM dari semasa ke semasa sentiasa mengadakan kursus khas kepada guru yang mengajar KKQ di SMKA dan KAA bagi menambahkan atau melengkapkan guru dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkenaan. Sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan KKQ perlu mematuhi garis panduan tersebut bagi memudahkan pencapaian objektif program berjalan lancar (JAPIM 2004b). Kurikulum KKQ ini turut menerima perubahan selaras dengan semakan semula Kurikulum Pendidikan Islam Teras dan Elektif (JAPIM 2004b).

Namun, hasil pemerhatian daripada keputusan ujian KKQ (JAPIM 2008c), bahagian yang dikenal pasti untuk murid berkecenderungan memperoleh markah yang rendah ialah pada bahagian lisan taranum berbanding bahagian ujian lisan yang lain iaitu Hafazan dan *Qiraat al-Sab'ie* (Mohd Aderi 2011). Keputusan lisan pada bahagian taranum yang tidak cemerlang menyumbang kepada semakin sedikitnya markah keseluruhan ujian KKQ yang diduduki oleh murid Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima di sekolah-sekolah SMKA, SABK dan KAA di seluruh Malaysia. Berikut adalah markah lisan bahagian taranum pada tahun 2008 yang diperolehi oleh murid KKQ di sesetengah SMKA di seluruh Malaysia. Di negeri Kelantan, keputusan mencatatkan hanya 55.7% yang mendapat cemerlang bagi Tingkatan Tiga daripada 115 orang manakala bagi calon Tingkatan Lima pula seramai 100 orang dengan catatan 42% yang mendapat cemerlang. Di Negeri Perak pula, hanya 44.8% mencatat keputusan cemerlang dengan seramai 67 orang di Tingkatan Tiga, manakala Tingkatan Lima hanya 23.4% sahaja dengan seramai 47 orang calon mencatat keputusan cemerlang.

Kajian-kajian lepas (Muhammad Zawawi 2004; Nasir & Rubiyah 1997; JAPIM 2005) berkenaan kaedah pengajaran mendapati bahawa tahap penguasaan *taranum* yang lemah dalam kalangan murid adalah disebabkan kurangnya pengalaman guru dalam penggunaan teknologi pengajaran dan pembelajaran serta kekerapan pelaksanaan kaedah pengajaran guru yang tradisional. Kaedah tradisional juga merupakan kaedah yang popular dalam pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran lain selain pembelajaran *taranum* (Saidah 2009, Mohd Aderi 2011). Pengaplikasian kaedah ini menyebabkan pencapaian taranum al-Quran hanya pada tahap yang sederhana kerana ianya sekadar memberi penumpuan kepada hafalan daripada bacaan guru tanpa kaedah yang spesifik (Saidah 2009) dan penggunaan buku teks dan papan tulis semata-mata (Mohd Aderi 2011). Oleh itu, kajian kuasi eksperimen ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam kelas *taranum* dengan menggunakan formasi *taranum* sebagai bahan bantu mengajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru daripada aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutupan pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan antara kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas intervensi.

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah terdapat perbezaan amalan pengajaran guru daripada aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutupan pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan antara kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas intervensi.

TINJAUAN LITERATUR

Biodata Nik Azizan bin Dato Nik Jaafar

Ustaz Nik Azizan bin Dato Nik Jaafar merupakan salah seorang tokoh al-Quran dan guru *taranum* yang sering memberikan sumbangan dalam bidang al-Quran di negara ini. Beliau sering mendapat perhatian masyarakat apabila terpilih menjadi pengacara dalam Rancangan Mari Bertaranum pada tahun 2009. Beliau merupakan anak jati negeri Kelantan yang pernah menjadi Johan Tilawah Kebangsaan Sekolah-sekolah Malaysia pada tahun 1990 dan 1991 serta Johan Tilawah Kebangsaan antara Maktab-maktab pada tahun 2002. Ketokohan beliau ini diwarisi oleh ayahnya, Dato Nik Jaafar bin Nik Ismail yang pernah menjadi hakim dalam tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1983.


Kurikulum Bacaan al-Quran

Nik Jaafar (2004) menyatakan bahawa *taranum* ialah suatu ilmu atau kaedah suara yang dipelbagaikan bunyi mengikut proses nada rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan khususnya bacaan al-Quran. *Taranum* mempunyai ciri-ciri tertentu seperti nada, rentak dan irama. Ia diilhamkan dari unsur-unsur bunyi geseran kayu-kayu, tiupan angin, kicauan burung serta bunyi air yang mengalir (Nik Jaafar 2004). Menurutnya, *taranum* ialah suatu ilmu seni alunan suara yang dipelbagaikan bunyi mengikut proses nada, rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan keelokan seni bunyi bacaan al-Quran.

Nik Jaafar (2004) berpendapat bahawa terdapat beberapa kurikulum bacaan al-Quran yang sebenar berdasarkan kitab-kitab hadis iaitu pertama; kurikulum tahsin al-Quran, kedua; kurikulum tajwid, ketiga; kurikulum *taranum* dan keempat; kurikulum bersepadu (*tartil*). Justeru, beliau berpendapat bahawa setiap *qari* atau *qariah* dan setiap guru atau hakim tilawah seharusnya mengambil kira keempat-empat kurikulum bacaan al-Quran tersebut bagi menjamin bacaan al-Quran yang betul dan tepat sesuai dengan ketinggian martabat al-Quran.

Pengkaji berpendapat, pembahagian kurikulum ini sebenarnya digabungkan membentuk kurikulum bersepadu iaitu kurikulum *tartil*, sebagaimana yang terkandung di dalam surah al-Muzammil ayat 4. Kurikulum tajwid ialah kaedah pengawalan huruf-huruf dan ayat-ayat al-Quran mengikut hukum-hukum tajwid. Perkaedahan ilmu tajwid ini adalah bertujuan bagi memelihara lidah daripada kesalahan membaca ayat-ayat suci al-Quran ketika membacanya. Ia juga merupakan tonggak kepada rangkaian-rangkaian ilmu yang berkaitan dengan bacaan al-Quran iaitu ilmu *Rasm*, *Dhabt* dan *Fawasil*. Manakala Kurikulum *tahsin al-sawt* ialah kurikulum yang berkisar tentang kaedah mengelokkan suara untuk bacaan al-Quran. Perkaedahan *tahsin al-sawt* ini berdasarkan beberapa dalil hadis yang menggalakkan umat Islam membaca dan memperdengarkan ayat-ayat suci al-Quran dengan lunak suara yang baik di samping menjaga hukum-hukum tajwid. Kurikulum ketiga pula ialah kurikulum *taranum* iaitu kaedah melahirkan seni bunyi bacaan al-Quran dengan lebih sempurna dan lebih cantik sesuai dengan kemukjizatan al-Quran. Kurikulum gabungan atau bersepadu yang terbentuk ialah kurikulum *tartil* iaitu kaedah menghasilkan bacaan yang cantik, lengkap dan sempurna yang mana dihasilkan oleh gabungan kurikulum tajwid, kurikulum *tahsin al-sawt* dan kurikulum *taranum* sebagaimana yang telah disebutkan (Norakyairee & Adnan 2008).

Rajah 1: Kurikulum Tartil (ubahsuai Nik Jaafar 2007)



Amalan Pengajaran Berkesan

Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar. Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik, menggunakan bahasa yang jelas dan mudah, penerangannya yang jelas, dan memberi contoh-contoh yang berkaitan, penekanan kepada isi-isi penting dan pelajaran itu cuba dikaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu dan yang sedia dan menggunakan alat bantu mengajar (ABM) bagi membantu menerangkan sesuatu konsep. Selain itu, objektif pelajaran hendaklah jelas dan khusus, isi kandungan adalah mencukupi dan pada akhir sesuatu pelajaran, guru perlu mengadakan penilaian atau peperiksaan.

Amalan pengajaran berkesan melibatkan pembelajaran secara aktif dalam bilik darjah dan memberi pertimbangan terhadap aspek kepelbagaian murid (al-Syaibani, 1991; Atan, 1993; Ahmad, 1997; Mohd Yusuf, 2000; Rohizani et al., 2005). Apatah lagi dalam pengajaran tilawah al-Quran yang melibatkan pelbagai kemahiran antaranya kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *fasahah*, *tilawah* bertajwid dan bacaan secara *taranum*, *tadwir* dan *tartil* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004b). Memandangkan pengajaran *tilawah* al-Quran melibatkan pengajaran kemahiran khususnya pengajaran *taranum*, maka mengajar kemahiran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan murid (Rohizani et al., 2005). Oleh itu, guru perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran dan peka terhadap gaya pembelajaran murid serta strategi pengajaran dan pembelajaran (Shulman, 1987).

Amalan pengajaran berkesan juga merupakan amalan pengajaran yang membolehkan ramai murid meningkatkan pencapaiannya secara berterusan, tahap pencapaian yang tinggi, sedikit kekeliruan dan tanpa kehilangan momentum dari satu langkah ke satu langkah (Brophy & Good 1986). Merujuk kepada amalan pengajaran *taranum* yang berkesan, maka guru perlu jelas dari segi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan semasa mengajar *taranum* al-Quran tersebut. Gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik membawa kepada pengajaran yang berkesan.

Berkaitan strategi pengajaran, menurut Ibnu Khaldun (2000), guru hendaklah memastikan setiap isi pengajaran dan masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran diselesaikan dahulu sebelum berpindah ke topik yang lain. Oleh itu dalam pengajaran *taranum* al-Quran, guru hendaklah memastikan para pelajar benar-benar dapat menguasai isi pelajaran yang diterangkan oleh guru, agar pelajar tidak berterusan gagal menguasai kemahiran bacaan *taranum* al-Quran dengan sepenuhnya. Setelah guru yakin pelajar telah berjaya menguasai kemahiran bacaan al-Quran tersebut, barulah guru berpindah ke tajuk pengajaran yang seterusnya.

Penggunaan Bahan Bantu Dalam Pengajaran *Taranum*

Ibnu Khaldun (1948) menyatakan bahawa bahan bantu mengajar (BBM) perlulah seiring dengan pengajaran dan pembelajaran guru dan murid. Beliau sangat mementingkan penggunaan bahan bantu mengajar kerana kadang-kadang murid sukar untuk memahami pengajaran guru. Maka dengan adanya contoh-contoh ataupun bantuan daripada alat-alat yang bersesuaian akan

menambah dan memudahkan kefahaman murid terhadap sesuatu mata pelajaran. BBM juga dapat menjimatkan masa dan tenaga guru serta memberi motivasi dalam kalangan murid untuk lebih mendalami kandungan pelajaran (Kamarul Azmi & Abdul Halim 2007). Di dalam pengajaran dan pembelajaran *taranum*, secara umumnya dapat dilihat bahan bantu mengajar yang utama ialah mushaf al-Quran. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai bahan pengajaran lain yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran samaada berunsur bahan elektronik ataupun bukan. Bahan elektronik tersebut seperti mp3, lcd, video, komputer, pita rakaman, komputer, dan slide show. Manakala bahan bukan elektronik pula ialah seperti *whiteboard*, pen, kertas, marker pen, mushaf al-Quran, kitab-kitab tafsir dan sebagainya (Saidah 2009).

Kajian ini menggunakan BBM formasi *taranum* (Nik Jaafar, 2007) sebagai intervensi bagi kumpulan rawatan. Pakej perisian “formasi *taranum*” ini mengandungi video pengajaran *taranum* oleh guru yang melibatkan pergerakan anggota badan seperti tangan dan kepala. Multimedia formasi *taranum* yang mengandungi video-video pengajaran *taranum* yang dinamakan formasi sebagai teknik dan kaedah cepat untuk menguasai *taranum* Bayati dan Husaini dengan burdah yang betul sebagai BBM yang digunakan oleh guru mata pelajaran. Ianya boleh dijadikan sebagai panduan guru-guru al-Quran khususnya sebagai pengajaran dan pembelajaran *taranum* yang menarik. Dalam kaedah ini, ianya melibatkan pergerakan asas, pergerakan seni dan teknik buka suara yang merupakan salah satu modul pengajaran seni bacaan al-Quran secara interaktif yang mengandungi teks ayat al-Quran, gambar, audio serta video mengikut kesesuaian murid.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk yang digunakan dalam kajian ini ialah kuasi eksperimen. Rekabentuk kuasi eksperimen melibatkan ujian pra dan pasca kumpulan kawalan tidak setara (*Non-equivalent pretest and posttest control group design*). Kajian ini melibatkan murid-murid tingkatan satu di enam buah sekolah daerah seremban yang mengikuti pembelajaran Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) dengan menggunakan kelas sedia ada untuk mengenal pasti persepsi murid terhadap amalan pengajaran *taranum* merangkumi aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar (BBM). Ianya dianalisis ke atas kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas intervensi. Satu set soalan selidik telah diedarkan pada minggu pertama kajian dilaksanakan bagi memastikan wujudnya kesamaan berkaitan amalan pengajaran guru antara kedua-dua kumpulan tersebut. Penerangan diberikan ke atas guru dan murid yang terlibat bagi mengawal dan mengurangkan bias dalam kajian tersebut.

Selepas itu, satu intervensi menggunakan teknik formasi *taranum* dijalankan kepada kumpulan rawatan yang dilakukan oleh guru matapelajaran KKQ berpandukan kepada berbantuan BBM yang disediakan. Intervensi ini menggunakan perisian multimedia sebagai BBM dalam Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) bersumberkan daripada Ustaz Nik Azizan bin Dato' Nik Jaafar dan diberikan kepada guru KKQ sekolah masing-masing dua minggu awal dari tempoh pelaksanaan kajian tersebut. Tujuan bagi memastikan guru menguasai sepenuhnya isi kandungan BBM tersebut sebelum diajarkannya kepada murid bagi kelas kumpulan rawatan. Perisian tersebut mengandungi pelbagai grafik dan video yang menarik sepanjang pengajaran *taranum*. Selain itu, video tersebut mengandungi rakaman-rakaman murid dalam bacaan *taranum* yang disertai dengan pergerakan anggota murid selari dengan gaya pembelajaran jenis VARK (Visual, Auditori, Read & Kinestetik). Tempoh treatment ke atas kumpulan rawatan tersebut selama 15 minggu bermula pada penggal kedua sesi persekolahan selepas murid menghadapi peperiksaan pertengahan tahun. Manakala kumpulan kawalan diajar secara pengajaran tradisional melalui pendekatan *talaqqi*

mushafahah di mana murid mendengar bacaan guru dan guru menyemak serta mengalunkannya bersama-sama.

Data kajian dianalisis menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Science*) yang melibatkan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis statistik deskriptif menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan secara menyeluruh tentang demografi responden. Analisis statistik inferensi pula digunakan untuk melihat perbezaan persepsi terhadap amalan pengajaran guru dalam kelas taranum di antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Statistik inferensi yang digunakan seperti *Repeated Measures ANOVA* dan *MANOVA Satu-Hala* dan *ANOVA*.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Profil lengkap kajian ini bagi setiap kumpulan kawalan iaitu kumpulan murid yang diajar dengan pengajaran *talaqqi musyafahah* dan kumpulan rawatan iaitu kumpulan murid yang diajar dengan BBM formasi *taranum* adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Profil responden kajian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Jantina Responden	Kumpulan Kawalan		Kumpulan Rawatan	
	Frekuensi	Peratusan	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	27	41.5	33	50.8
Perempuan	38	58.5	32	49.2
Jumlah	65	100	65	100

Merujuk kepada Jadual 1, kumpulan kawalan melibatkan 65 orang murid yang terdiri daripada 27 orang (41.5%) murid lelaki dan 38 orang (58.5%) murid perempuan. Kumpulan rawatan pula terdiri daripada 33 orang (50.8%) murid lelaki dan 32 orang (49.2%) murid perempuan.

Amalan Pengajaran Guru

Perbandingan amalan pengajaran guru antara kumpulan kawalan dan rawatan dilakukan bagi menjawab persoalan kajian. Oleh kerana terdapat lima sub konstruk iaitu aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dan jenis bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan maka analisis perbandingan ini menggunakan statistik *Repeated Measures ANOVA* (RMA). Hasil analisis *Repeated Measures ANOVA* (RMA) adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Sebelum dan Selepas Intervensi

Kesan	Nilai Wilks' Lamda(λ)	Nilai-F	D.K. Antara Kumpulan	D.K. Dalam Kumpulan	Tahap Sig.
Ujian*Kumpulan	0.727	9.220	5	123	0.000

Berdasarkan Jadual 2, didapati perbandingan amalan pengajaran guru bagi keseluruhan aspek antara kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas intervensi, nilai Wilks' $\lambda = 0.727$,

$F_{(5, 123)} = 0.220$ dan $p=0.000$ ($p<0.05$). Jadi terdapat perbezaan dari segi amalan pengajaran guru dalam aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutupan pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi sebelum dan selepas intervensi.

Seterusnya analisis ANOVA berganda (*multiple ANOVAs*) dilakukan bagi melihat perbezaan dengan lebih terperinci setiap pemboleh ubah bersandar iaitu aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan dalam kumpulan kawalan bagi sebelum dan selepas intervensi. Hasil analisis MANOVA satu hala adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Kumpulan Kawalan Sebelum dan Selepas Intervensi

Kesan	Nilai Wilks' Lamda(λ)	Nilai-F	D.K. Antara Kumpulan	D.K. Dalam Kumpulan	Tahap Sig.
Ujian	0.955	2.069	2	127	0.326

Berdasarkan Jadual 3, didapati bagi perbandingan amalan pengajaran guru bagi keseluruhan aspek antara kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi, nilai Wilks' $\lambda = 0.955$, $F_{(2, 127)} = 2.069$ dan $p=0.326$ ($p>0.05$). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan amalan pengajaran guru daripada aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan antara kumpulan kawalan bagi sebelum dan selepas intervensi.

Jadual 4 di bawah memaparkan hasil analisis ANOVA bagi perbezaan skor min setiap konstruk iaitu aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan antara kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi.

Jadual 4: Ujian ANOVA Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Kumpulan Kawalan Sebelum dan Selepas Intervensi

Amalan Pengajaran Guru	J.K.D.	D.K.	M.K.D.	Nilai-F	Sig.
Permulaan Pengajaran	0.421	1	0.421	1.372	0.244
Perkembangan Pengajaran	0.277	1	0.277	0.840	0.361
Penutup Pengajaran	0.168	1	0.168	0.324	0.570
Penggunaan Alat Bantu Mengajar	0.123	1	0.123	0.182	0.670
Jenis Bahan Bantu Mengajar	0.166	1	0.166	0.379	0.539

Berdasarkan Jadual 4, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, kekerapan ABM dan jenis BBM dalam kumpulan kawalan ($p>0.05$) antara sebelum dan selepas intervensi. Ini bermakna amalan pengajaran bagi aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, ABM dan BBM dalam kumpulan kawalan adalah sama bagi kedua-dua ujian iaitu sebelum dan selepas pengajaran *taratum* secara *talaqqi musyafahah*.

Seterusnya analisis ANOVA berganda (*multiple ANOVAs*) dilakukan bagi melihat perbezaan dengan lebih terperinci setiap pemboleh ubah bersandar dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi. Hasil analisis MANOVA satu hala adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: MANOVA Satu Hala Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Kumpulan Rawatan Sebelum dan Selepas Intervensi

Kesan	Nilai Wilks' Lamda(λ)	Nilai-F	D.K. Antara Kumpulan	D.K. Dalam Kumpulan	Tahap Sig.
Ujian	0.560	4.250	2	127	0.000

Berdasarkan Jadual 5, didapati bagi perbandingan amalan pengajaran guru bagi keseluruhan aspek antara kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi, nilai Wilks' $\lambda = 0.560$, $F_{(2, 127)} = 4.250$ dan $p=0.000$ ($p<0.05$). Oleh itu, kajian menunjukkan terdapat perbezaan amalan pengajaran guru antara kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi.

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis ANOVA bagi perbezaan skor min setiap pembolehubah bersandar iaitu aspek permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan antara kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi.

Jadual 6: Ujian ANOVA Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Kumpulan Rawatan Sebelum dan Selepas Intervensi

Amalan Pengajaran Guru	J.K.D.	D.K.	M.K.D.	Nilai-F	Sig.
Permulaan Pengajaran	3.264	1	3.264	7.634	0.007
Perkembangan Pengajaran	0.664	1	0.664	2.800	0.097
Penutup Pengajaran	2.226	1	2.226	6.775	0.010
Penggunaan Alat Bantu Mengajar	9.640	1	9.640	25.462	0.000
Jenis Bahan Bantu Mengajar	44.861	1	44.861	91.874	0.000

Berdasarkan Jadual 6, didapati terdapat perbezaan yang signifikan ($p<0.05$) dari segi permulaan pengajaran (0.007), penutup pengajaran (0.10), penggunaan ABM (0.00) dan jenis BBM (0.00) dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi. Bagi aspek perkembangan pengajaran, tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p>0.05$) antara sebelum dan selepas intervensi.

PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru antara kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas intervensi. Ini menunjukkan penggunaan BBM formasi *taranum* yang diaplikasikan dalam kumpulan rawatan memberikan kesan ke atas amalan pengajaran guru di sekolah. Kaedah pengajaran yang diterapkan dalam amalan pengajaran dapat diaplikasikan melalui perisian BBM selari dengan ciri-ciri bacaan *tartil* oleh Al-Qabisi (1955) dengan menggunakan konsep rakaman video.

Permulaan Pengajaran

Secara keseluruhannya, pelajar perlu melalui proses mengenali asas taranum sebelum memulakan pelajaran *taranum* bagi menjaga hak al-Quran itu sendiri dan memudahkan pelajar menguasai taranum (Wan Fakhru Razi 2008; Khalid 2011). Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan permulaan pengajaran yang diaplikasikan oleh guru pada kumpulan kawalan. Sebahagian besar aspek-aspek yang diaplikasikan pada permulaan pengajaran adalah pada tahap yang tinggi.

Berbeza dengan kumpulan rawatan, terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru bagi aspek permulaan pengajaran sebelum dan selepas intervensi. Walau bagaimanapun,

terdapat beberapa item berada pada tahap yang sederhana pada peringkat sebelum intervensi. Salah satunya adalah item aktiviti-aktiviti yang menarik perhatian murid untuk belajar *taranum* al-Quran. Kaedah pengajaran yang sehalu menimbulkan suasana kelas yang membosankan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Burden dan Byrd (2003) yang mencadangkan agar para guru mewujudkan kepelbagaian aktiviti dalam amalan pengajaran bagi menjamin keberkesanan pengajaran dengan memberi tumpuan kepada pengajaran berasaskan murid.

Perkembangan Pengajaran

Aspek perkembangan pengajaran turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara sebelum dan selepas intervensi dalam kumpulan kawalan dan rawatan. Secara keseluruhannya didapati keseluruhan item yang terlibat dalam aspek ini berada pada tahap tinggi. Antara item yang kerap dilaksanakan oleh guru dalam perkembangan pengajaran adalah guru menyemak bacaan *taranum* al-Quran murid dan guru menunjukkan bacaan contoh yang menarik pada setiap kali pengajaran *taranum*. Menurut Rohizani et al., (2005), dalam pengajaran tilawah al-Quran yang melibatkan kemahiran khususnya pengajaran *taranum*, pengajaran kemahiran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan memperbaiki kesilapan murid. Kaedah ini lebih dikenali dengan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* (Wan Fahkrul Razi; 2008, Zulkifli; 2014 dan Misnan et.al; 2014).

Khalid (1993) menyatakan bahawa kelebihan *talaqqi musyafahah* ini adalah pelajar dapat melihat gerak bibir guru yang mengajar dan guru juga turut dapat melihat gerak bibir pelajar. Secara langsung kaedah ini dapat membantu guru untuk menegur dan memperbaiki bacaan murid. Di dalam konteks *taranum* pula, beliau menyatakan bahawa ketika guru mengalunkan alunan *taranum*, pelajar dapat mendengar setiap *harakat*, *burdah*, *qit'ah* dan sebagainya. Pelajar kemudiannya akan mengikuti alunan daripada guru sama ada secara beramai-ramai atau individu. Ahmad Sahli (2008) menyatakan terdapat beberapa kekuatan dalam pengaplikasian kaedah ini. Antaranya ialah kaedah ini adalah kaedah terbaik untuk pengajaran tilawah, dan kesalahan bacaan pelajar dapat diperbetulkan secara langsung. Kaedah ini juga sesuai dipraktikkan untuk semua aras pelajar serta mendapat tindak balas serta merta antara guru dan pelajar selain ianya mencontohi kaedah pengajaran Jibril a.s terhadap Rasulullah SAW.

Penutup Pengajaran

Analisis MANOVA Satu Hala yang telah dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan amalan pengajaran bagi aspek penutup pengajaran antara sebelum dan selepas pengajaran dalam kumpulan kawalan. Sebahagian besar murid bersetuju bahawa guru dapat mengajar *taranum* dengan baik walaupun peruntukan masa pengajaran yang terhad. Namun demikian, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan amalan pengajaran bagi aspek penutup pengajaran antara sebelum dan selepas intervensi bagi kumpulan rawatan.

Dapatan ini selari dengan kajian Ahmad Mohd Salleh (1997) & Sulaiman Ngah Razali (1997) dimana guru perlu memilih pendekatan yang sesuai untuk mencapai amalan pengajaran *taranum* al-Quran yang berkesan. Hal ini kerana tidak ada satu pendekatan yang dianggap terbaik bagi sesuatu matapelajaran untuk semua pelajar. Antara pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran *taranum* al-Quran ialah pendekatan induktif (Ahmad Mohd Salleh 1997), di mana para guru mengemukakan contoh bacaan al-Quran beserta *taranum* dan seterusnya para pelajar mengaplikasikan contoh bacaan guru tersebut.

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Gorman (2000) berpandangan media yang menarik dan sesuai dengan pembelajaran dapat menarik perhatian dan tumpuan belajar dalam bilik darjah. Antara aktiviti yang dapat menarik minat murid adalah aktiviti yang menggunakan media ataupun alat bantu mengajar. Dapatan kajian

menunjukkan tidak terdapat perbezaan amalan pengajaran bagi aspek penggunaan alat bantu mengajar dalam kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya, penggunaan alat bantu mengajar dalam kumpulan kawalan hanya berada pada tahap yang sederhana. Namun demikian, hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek penggunaan alat bantu mengajar antara sebelum dan selepas intervensi dalam kumpulan rawatan. Hal ini menunjukkan bahawa alat bantu mengajar formasi *taranum* yang digunakan oleh guru memberikan kesan terhadap pembelajaran murid. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Eadil (2010) yang turut mendapati kesan penggunaan alat bantu mengajar terhadap pembelajaran murid.

Kajian Muhammad Zawawi (2004) turut menunjukkan kesan penggunaan bahan-bantu bantu teknologi seperti komputer boleh menarik minat dan mempercepatkan kefahaman murid-murid. Walau bagaimanapun, kajian beliau mendapati bahawa kelemahan dalam menguasai ilmu-ilmu teknologi dalam kalangan guru menyebabkan mereka gagal untuk memperolehi kemahiran-kemahiran yang baru. Menurut Muhammad Zawawi (2004), ada di antara murid yang boleh denganberlagu dengan baik dalam tolawah al-quran tanpa mengenal jenis atau nama lagu yang dibawa. Mereka berlagu dengan cara meniru atau mengikut gaya yang dibawa oleh guru-guru mereka atau daripada kaset yang didengari. Ini antara faktor kenapa murid boleh berlagu al-Quran tetapi tidak tahu nama lagu yang dibawa.

Jenis Bahan Bantu Mengajar

Dalam kumpulan kawalan, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dalam pengajaran *taranum*. Pelajar menyatakan sebahagian besar guru hanya menggunakan buku teks dalam pengajaran *taranum* ke atas pelajar. Manakala bagi kumpulan rawatan, terdapat perbezaan yang sangat ketara antara sebelum dan selepas intervensi bagi aspek jenis bahan bantu mengajar yang digunakan. Selain menggunakan buku teks, guru juga banyak menggunakan papan tulis dan laman web. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Mohd Zainul (2008) yang juga mendapati sebahagian besar responden sangat setuju bahawa laman web yang dibangunkan menepati kandungan kurikulum matapelajaran KKQ. Ini bersesuaian dengan cadangan Beattie dan Preston (1990) yang menyatakan bahawa perisian yang baik mestilah mempunyai isi kandungan yang tepat dan mempunyai nilai-nilai pendidikan.

Selain itu, guru juga dapat memperbanyakkan penggunaan kaset, CD dan video. Hal ini disebabkan para pelajar dapat menghafal semua cara untuk mengalunkan lagu selepas beberapa kali mengulangi bacaan. Ada kala, pelajar merakam suara guru-guru yang mengajar *taranum* dengan menggunakan kaset, CD dan video kemudian meniru alunan tersebut dalam sesi latihan secara individu. Hal ini dapat meningkatkan pencapaian murid dalam *taranum*.

KESIMPULAN

Amalan pengajaran guru yang berkesan sering dikaitkan dengan sifat kreatif guru yang bukan sahaja sekadar merancang pengajaran, bahkan juga kreatif dengan pengolahan isi dan bahan pelajaran, pemilihan kaedah mengajar dan aktiviti-aktiviti pembelajaran, strategi yang digunakan serta alat bantu mengajar yang bakal digunakan. Kajian ini telah memberi satu gambaran yang jelas terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran *taranum* yang masih mempunyai kekurangan dan kelemahan dan memerlukan kepada penambahbaikan. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru *taranum* di kelas KKQ memberi kesan yang positif terhadap kecemerlangan akademik pelajar dan kaedah pengajaran guru itu sendiri. Oleh itu, untuk mengenalpasti BBM yang dipilih oleh guru *taranum* bukanlah hanya sekadar mengambil BBM yang disediakan sahaja malah analisis perlu dilakukan dengan mendalam. Hal ini bertepatan dengan ciri-ciri pemilihan

BBM iaitu mestilah yang paling memberi kesan. Secara tidak langsung ia akan meningkatkan kualiti pendidikan *taranum* di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Sahli Mohd Hasan. 2008. *Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ) di SMKA Falahiah Pasir Pekan: Tinjauan mengenai metodologi pengajaran dan keberkesannya*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Ar-Risalah al-mufassolah li ahwal al-mu'allimin wa ahkam almu' allimin wal muta' allimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumy. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hassan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Atan Long. 1993. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd.
- Beattie, E.D & Preston, N.R. 1990. *Selecting Microcomputer Courseware*. Review Of Education Research. 49(3): 70 -71.
- Brophy, J. E., & Good, T. L. 1986. *Teacher Behavior and Student Achievement*. In M. C. Wittrock (Ed.), *Handbook of Research on Teaching* (3rd ed., pp. 376-391). New York, NY: Macmillan.
- Che Yahaya bin Daud. Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1999. Kampung Derdap, Pasir Tumbuh. 9 Julai 2018.
- Eadil Mat. 2010. *Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesannya di sekolah-sekolah menengah (SMK) di daerah Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gorman, J. M. 2000. *Theory of personality and learning process*. New York: John Wiley dan Sons.
- Ibn Khaldun. 2000. *Muqadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2007. *Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia 1380 H/ 1961 M-1428 H/ 2007 M*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM. 2004b. *Kurikulum Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM. 2005. *Laporan Pemantauan Peperiksaan Kelas Kemahiran al-Quran*. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM. 2008a. *Buku Panduan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) Edisi Semakan: Tingkatan 1,2 dan 3*. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM. 2008c. *Keputusan Ujian Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (2000-2008)*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Johor Bharu. Penerbit UTM.
- Khalid Mohd. Nor. 1993. *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd .
- Khalid Isa. 2011. *Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya dalam ilmu taranum al-Quran di Malaysia*. (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.

- Lee Shulman. 1987. *Knowledge and teaching: Foundations of the new reform*. Harvard Educational Review (1987) 57 (1): 1–23.
- Misnani Jamali. 2005. *Tahap penguasaan al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah di Perak* dlm Kamarulzaman Abd. Ghani at.al (pnyt) Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4) hlm 213-224 Bangi; Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misnani Jamali. 2008. *Amalan pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran sekolah-sekolah menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misnani Jamali, Ab. Halim Tamuri & Azmil Hashim. 2014. *Kaedah Pengajaran al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak*. International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education 1: 35-44.
- Mohd Aderi Che Noh. 2011. *Pelaksanaan kelas kemahiran al-Quran di Malaysia: satu analisis*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 3 (1). pp. 47-58. ISSN 1985-6236
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1): 93-109.
- Mohd Zainul Arifien bin Mohd Jaid. 2008. *Pembangunan dan Penilaian Laman Web “Kelas Kemahiran al-Quran”*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir Omar. 2005. *Akhlaq dan Kaunseling Islam (Siri Islam dan Masyarakat)*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Mohd Yusof Ahmad. 2000. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Zawawi Muhammad Ali @ Yusof. 2004. *Perlaksanaan Pendidikan Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ) di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Johor. Satu kajian*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Mara.
- Nasir bin Muhamad & Rubiyah Haron. 1997. *Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran di Kalangan Guru Pelatih Bukan Pengkhususan Pengajian Agama Islam*. Alor Setar. Institut Perguruan Darul Aman. JAPIM.
- Nik Jaafar bin Nik Ismail. 2004. *Qawaid al-Taranum: Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Norakyairee Mohd Raus & Adnan Mohamed Yusoff. 2008. *Pengajaran Ilmu Taranum Al-Quran*. Selangor: Open University Malaysia.
- Paul R. Burden, David M. Byrd. 2003. *Methods for Effective Teaching*. Allyn and Bacon. The University of Michigan.
- Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim dan Mohd Zohir Ahmad. 2005. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Saidah Haris @ Harith. 2009. *Musicology in Islam and quranic chanting*. Tesis Sarjana Interdisciplinary Islamic Studies. Program Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Sulaiman Ngah Razali. 1997. *Pedagogi Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Fakhru Razi Wan Mohamad. 2008. *Haji Ahmad bin Mat Som Pergau dan sumbangannya dalam pengajian taranum di Kelantan*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zulkifli Abd Mubi. 2014. *Tahap penguasaan ilmu taranum dalam kalangan guru Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran di Selangor*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Bangi: UKM
- Zulkifli Abd Mubi et al. 2018. *Modul Terbilang Kelas Kemahiran al-Quran Tingkatan 1*. Majlis Permuafakatan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Selangor. Shah Alam: Selangor.